



25 April 2018

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Persekutuan

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Rayuan

YA Hakim-Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi

Semua Pegawai Penyelidik/Timbangan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Persekutuan/Mahkamah Rayuan/Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Yang Arif-Yang Arif/Tuan/Puan,

**ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM NEGARA
BIL. 1 TAHUN 2018
PANDUAN PEMFAILAN DAN PEMBAYARAN FI ALOKATUR**

Setelah berunding dengan YAA Presiden Mahkamah Rayuan, YAA Hakim Besar Malaya dan YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak, dan selaras dengan Aturan 85 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 [*P.U (A) 376/95*], Aturan 55 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 [*P.U.(A) 524/94*] dan Aturan 59 kaedah 7(4) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U.(A) 205/2012*], saya mengeluarkan Arahan Amalan ini bagi Panduan Pemfailan dan Pembayaran Fi Alokatur.

PEMAKAIAN ARAHAN AMALAN

2. Arahan Amalan ini terpakai kepada penghakiman di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi sahaja.

FI ALOKATUR

3. Apabila Mahkamah memberikan award atau suatu perintah terhadap kos, award atau perintah tersebut adalah tertakluk kepada pembayaran fi alokatur.
4. Walau bagaimanapun, kos yang diawardkan kepada atau terhadap Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri **TIDAK TERTAKLUK** kepada fi alokatur
5. Sekiranya kos diberikan kepada lebih daripada satu pihak dalam satu kes, fi alokatur hendaklah dibayar sama rata oleh pihak-pihak yang menerima kos melainkan diperintahkan sebaliknya oleh Mahkamah.

TATACARA PEMFAILAN DAN PEMBAYARAN FI ALOKATUR

6. Setelah sesuatu tindakan atau permohonan atau rayuan dibenarkan atau ditolak dengan kos, draf perakuan alokatur hendaklah difailkan bersekali dengan draf perintah Mahkamah.
7. Draf perakuan alokatur **HENDAKLAH** mengikut format sebagaimana ditetapkan dalam **LAMPIRAN A**.
8. (1) Salinan bersih Perintah Mahkamah dan perakuan alokatur hendaklah difailkan setelah draf perintah dan draf perakuan alokatur diluluskan oleh Mahkamah.

(2) Pembayaran fi alokatur hendaklah dijelaskan sepenuhnya oleh pihak yang memfailkan perintah dan perakuan alokatur semasa pemfailan tersebut.
9. Perintah Mahkamah bermeterai **TIDAK** akan dikeluarkan **MELAINKAN SETELAH** fi alokatur dijelaskan sepenuhnya.
10. Fi alokatur yang dibayar boleh dituntut daripada pihak yang diperintahkan membayar kos.

TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

11. Arahan Amalan ini mula berkuat kuasa pada tarikh Arahan Amalan ini dikeluarkan.

PEMBATALAN ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM NEGARA BIL.1 TAHUN 2016

12. Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bil. 1 Tahun 2016 adalah dibatalkan.



TUN RAUS SHARIF
Ketua Hakim Negara

Salinan Kepada:

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
KUCHING, SARAWAK

YBhg.Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
PUTRAJAYA

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Ketua Bahagian Guaman
Jabatan Peguam Negara
PUTRAJAYA

Ketua Bahagian Perbicaraan dan Rayuan
Jabatan Peguam Negara
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
KUCHING, SARAWAK

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
KUCHING, SARAWAK

Timbalan Kanan Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pustakawan
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Presiden
Majlis Peguam Malaysia
KUALA LUMPUR

Pengerusi
Persatuan Undang-Undang Sabah
SABAH

Pengerusi
Persatuan Peguam bela Sarawak
Bilik Peguam, Kompleks Mahkamah Kuching
SARAWAK

Pustakawan
Jabatan Peguam Negara
PUTRAJAYA

(Tajuk seperti dalam tindakan asal/permohonan/rayuan)

PERAKUAN ALOKATUR

MAHKAMAH melalui perintah bertarikh telah menetapkan kos kepada (*isikan nama pihak yang menerima kos) sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia:.....) SAHAJA.

MAHKAMAH dengan ini memperakui jumlah fi alokatur adalah sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia:.....) SAHAJA.

Bertarikh

Untuk kelulusan Tuan/Puan,

.....
(Tandatangan)
(Tetuan

.....
(Tandatangan)
(Pendaftar

(Tetuan)
(Tandatangan)

PERAKUAN ALOKATUR ini difailkan oleh Tetuan, Peguam cara Pemohon/Plaintif/Perayu/Defendan/Responden yang beralamat di

[No. Fail:.....]